

Kahwin dan Masyarakat Berumahtangga

Soal Talak

Dalam masa nikah diadakan antara seorang lelaki dengan seorang perempuan, sayugianya tertanamlah di dalam hati kedua mempelai itu keinginan mahu hidup bersama-sama dalam suka dan duka sehingga maut memisahkan mereka di dunia yang fana ini.

Kenyataan telah membuktikan, tiadalah semua apa yang diharap dan direka-reka itu tersua dalam kehidupan.

Demikian kejadiannya dalam kehidupan berumah tangga.

Soal kekalnya perjdodohan antara dua orang suami isteri, pada hakikatnya ialah soal “persetujuan” rohani dan jasmani.

Oleh itu, mengenai soal ini, dapat diambil suatu pegangan bagi suami isteri yang berkenaan, iaitu: jika sekiranya setelah diikhtiarkan segala daya upaya yang dapat diusahakan untuk kebaikan bersama, dan sesudah difikirkan masak-masak, lalu ternyata tidak ada jalan lain lagi yang lebih baik bagi mereka selain daripada “bercerai” maka ketika itu terbukalah pintu “perceraian” bagi suami isteri itu. Barangkali dengan perceraian itu akan terdapatlah kelegaan hati dan fikiran kedua belah pihak yang bersangkutan, atau sekurang-kurangnya bagi pihak yang menderita dalam perkahwinan itu.

Berkeaan dengan soal cerai ini ada 4 perkara yang harus diperhatikan:

1. Ingatlah sabda Nabi Muhammad (SAW) yang bermaksud: “Di antara barang halal yang sangat dibenci oleh Allah ialah talak”.
2. Sebelum mengambil keputusan bercerai, hendaklah tanya betul-betul akan hati lebih dahulu, supaya jangan membawa penyesalan di belakang hari.
3. Kalau sudah tetap hendak bercerai, janganlah dilupakan saat bahagia yang telah dilalui bersama-sama.
4. Seboleh-bolehnya janganlah bercerai semasa isteri itu hamil!

Peraturan Islam tentang Talak

1. Talak tidak boleh dipermudah dan dibuat main-main. Seorang suami yang menjatuhkan talak kepada isterinya dengan berolok-olok, talak itu terus berlaku, dan isteri menjadi tertalak kerananya.
2. Talak yang dijatuhkan kerana paksaan, tidak sah.

3. Menceraikan isteri semasa ia sedang dalam haid, hukumnya haram. memberinya nafkah *'iddah* (dan ia memang tidak ber*'iddah*).
4. Apabila seorang suami menceraikan isterinya, ia boleh rujuk kembali dalam masa "*'iddah*" perempuan tersebut belum habis waktunya. Jika *'iddah* telah habis waktunya dan mereka hendak bersatu semula sebagai suami isteri, wajib dengan nikah yang baharu.
5. Talak yang boleh dirujuk kembali hanya pada talak yang pertama dan yang kedua. Jika telah talak yang ketiga kali, maka tidak halal lagi bagi suami itu, sebelum perempuan tersebut bernikah dan "bercampur" dahulu dengan suami yang lain.
6. Isteri yang masih di dalam *'iddah*, wajib diberi nafkah dan tempat kediaman oleh suaminya, kecuali yang ditalak dengan "talak *bā'in*" (talak yang tidak boleh rujuk), atau kematian suami.
7. Isteri yang ditalak semasa ia hamil, walaupun dengan talak *bā'in*, wajib diberi selama masa *'iddahnya*.
8. Tiap-tiap isteri yang ditalak hendaklah diberi "*mut'ah*" (pemberian berupa wang atau harta benda) oleh suaminya, jika talak itu datangnya dari pihak suami, kecuali perempuan yang ditalak sebelum dicampuri dan telah ditentukan maharnya.
9. Isteri yang ditalak sebelum "dicampuri" tidak diwajibkan oleh syarak si suami

Peraturan *'Iddah* dalam Islam

'Iddah (masa menunggu) yang ditentukan oleh Islam bagi kaum perempuan. Selama dalam masa *'iddah* itu, ia tidak boleh bernikah. *'Iddah* itu berlain-lain, menurut keadaan perempuan yang berkenaan. Garis besarnya adalah seperti berikut:

Pertama: Seorang perempuan yang ditalak, atau difasakhkan, atau kematian suaminya sedang ia dalam keadaan hamil, maka *'iddahnya* sampai anak itu lahir.

Kedua: Seorang perempuan yang ditalak, dan ia masih datang haid, maka *'iddahnya* 3 kali masa suci.

Ketiga: Seseorang perempuan yang kematian suaminya, *'iddahnya* 4 bulan dan 10 hari, kecuali kalau ia hamil, maka *'iddahnya* sampai ia bersalin.

Keempat: Perempuan yang ditalak *raj'iy* (talak yang boleh rujuk), kemudian suami itu mati ketika perempuan yang tersebut masih dalam *'iddah*, maka *'iddahnya* berpindah kepada *'iddahnya* perempuan yang kematian suami.

Kelima: Perempuan yang ditalak sebelum dicampuri oleh suaminya, tidak ada *'iddah* yang diwajibkan syarak baginya.

Keenam: Perempuan yang ditalak, dan ia tidak datang haid lagi kerana sudah tua, atau memang belum pernah kedatangan *haid*, kerana ia masih kecil, maka *'iddahnya* ialah 3 bulan.